


JADI BIJAK


# JEJAK DIGITAL

Rekod semua aktiviti dalam talian anda - apa yang anda lakukan, hantar dan kongsi.



Setiap kali anda memuatnaikkan sesuatu dalam talian, lakukan carian, atau menerima kuki dari laman web, anda mewujudkan jejak maklumat digital anda. Secara tidak sengaja, anda boleh mendedahkan alamat Protokol Internet (IP) anda, pilihan, gambar dan maklumat peribadi lain.

## MENGAPAKAH SAYA PERLU TAHU?




- Kita meluangkan lebih banyak masa dalam talian semasa pandemik COVID-19 ini untuk menghiburkan diri, membeli barang dapur dan makanan, serta berkomunikasi dengan keluarga, rakan dan rakan sekerja.
- Maklumat digital yang kita saling berbalas dalam masa-masa ini cukup untuk dieksplotasikan oleh penjenayah siber jika kita tidak mengambil langkah berjaga-jaga.
- Ia boleh memberi kesan yang berpanjangan terhadap reputasi, hubungan dan peluang pekerjaan anda. Majikan, sekolah, kolej dan pegawai penguasa undang-undang boleh menggunakan jejak digital anda sebagai asas untuk menilai perwatakan anda.
- Apa sahaja yang anda siarkan dalam talian menjadi sebahagian daripada jejak digital anda dan mungkin sukar untuk dipadamkan. Walaupun ia hanya untuk dikongsikan dalam kumpulan tertutup atau kenalan peribadi dalam talian, orang lain boleh kongsikan maklumat anda secara terbuka.

#JadiBijak


Berhati-Hati Apa Yang Anda Kongsi

# BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MEMASTIKAN KESELAMATAN JEJAK DIGITAL SAYA?



## BERIKUT ADALAH BEBERAPA CARA UNTUK MENGAMALKAN TABIAT JEJAK DIGITAL YANG SELAMAT DALAM TALIAN!

- Pertama, anda boleh mengetahui lebih lanjut tentang jejak digital anda dengan mengisi nama anda ke dalam enjin carian dan melihat hasilnya.
- Padamkan kandungan atau pos dalam talian yang mendedahkan maklumat peribadi anda.



- Ubah tetapan anda di platform media sosial dan aplikasi kepada 'Private'.
- Periksa tetapan anda secara kerap, kerana laman media sosial boleh mengubah dasar-dasar privasi mereka.
- Padamkan 'geo-tagging' atau tetapan lokasi di telefon dan media sosial anda, kerana ia menjelak pergerakan dan laluan biasa anda.

- Jangan kongsikan maklumat sensitif seperti nombor telefon, alamat dan tarikh lahir anda dalam talian.
- Elakkan daripada berkongsi maklumat peribadi secara berlebihan. Teks, foto, dan video peribadi anda boleh dikongsikan atau dibocorkan, walaupun tujuan anda hanyalah untuk dikongsikan secara peribadi.




#JadiBijak

Berhati-Hati Apa Yang Anda KongsiKan

# BERIKUT ADALAH BEBERAPA CARA ANDA BOLEH AMALKAN TABIAT JEJAK DIGITAL YANG SELAMAT DALAM TALIAN!

- Sentiasa fikir dahulu sebelum menyiaran sesuatu. Setelah sesuatu disiarkan dalam talian, sukar untuk dipadam dan ia mungkin akan muncul semula beberapa tahun kemudian.



- Bina jejak digital yang positif dengan hanya menyiaran perkara yang berguna kepada orang lain.

## BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MEMASTIKAN KESELAMATAN JEJAK DIGITAL ANAK SAYA?

- Ibu bapa, harap maklum bahawa apa sahaja yang anda kongsikan dalam talian tentang anak-anak anda akan menambah jejak digital mereka.
- Penjenayah boleh menggunakan maklumat yang dikumpul daripada pos, foto dan video untuk mengetahui nama penuh, sekolah, minat atau di mana anak anda berada.
- Pastikan tetapan privasi anda hanya membenarkan orang terdekat dalam rangkaian dalam talian anda untuk melihat pos-pos anda.
- Anda harus menetapkan peraturan dan melengkapkan anak-anak anda dengan pengetahuan yang diperlukan untuk kekal selamat dalam talian. Sebaiknya jauhkan mereka daripada media sosial sehingga anda yakin bahawa mereka tahu bagaimana untuk melindungi diri secara berkesan.

Untuk panduan lanjut, lawati:  
[www.betterinternet.sg/-/media/Resources/PDFs/](http://www.betterinternet.sg/-/media/Resources/PDFs/)



#JadiBijak

Berhati-Hati Apa Yang Anda KongsiKan